



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE EXAMINATION
(AUGUST 2025)**

CRIMINAL PROCEDURE

Friday, 8 August 2025

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * **THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B'.**
 - * **YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * **YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * **GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * **RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Certificate in Legal Practice Examination, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer the questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 9 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidates MUST answer this question**

Darroll ('D') presented himself at the police station to assist the police in a criminal breach of trust and money laundering investigation. The Investigating Officer, ASP Raja ('IO'), denied D's requests to have his lawyer, Mr. Ali ('Ali'), present with him during questioning. After his statement was recorded, D was arrested and brought before a Magistrate the following morning. The Magistrate granted the IO's application for remand and ordered D to be remanded for four (4) days. During the remand period, the IO again continually refused Ali access to see D.

The IO later obtained the Deputy Public Prosecutor's written instructions to proffer a single charge of criminal breach of trust (an offence punishable under section 409 of the Penal Code) and another charge of money laundering under section 4(1)(a) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('AMLATFAPUA') in the Sessions Court of Ipoh. When D's case was first mentioned in the Sessions Court, D informed Ali that he did not wish to plead guilty to any of the charges and wanted to be released on bail.

Based on the above:

- (a) **Discuss the legalities in relation to the IO's refusal to allow D access to see Ali during his questioning and detention.**

(5 marks)

- (b) **Explain with reference to the relevant legislation and case laws what factors a Magistrate must take into account when considering the IO's application for remand.**

(7 marks)

- (c) **Examine the law and requirements governing the granting of bail to D by the Sessions Court before the commencement of the trial.**

(7 marks)

- (d) **D is considering pleading guilty at the next hearing date. Advise D on the law and procedures in relation to plea bargaining.**

(6 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS

2. Answer ALL parts of this question

The corpse of Unggu a/l Punggol ('U') was found approximately 20 metres from where he was killed in some bushes at Kilometre 2.5, Jalan Genting Klang, Setapak, Federal Territory of Kuala Lumpur, at about 7.00 a.m. by a jogger on Thursday, 14 November 2024. The government pathologist who conducted the post-mortem on U's body opines that, based on the state of decomposition of the body, U was likely killed 48 hours before its discovery. The police later arrested Jasmine a/p Lassi ('J') as a suspect. J was later brought to the Magistrates' Court in Kuala Lumpur, where a Deputy Public Prosecutor ('DPP') put forth a charge accusing her of murdering U – an offence punishable by death.

Based on the above:

- (a) **With reference to the relevant legislation and case laws, describe the necessary contents of the criminal charge.**

(8 marks)

- (b) **As the DPP tasked to prosecute this case, draft the charge against J.**

(4 marks)

- (c) **J is upset that her case is taking too long to be transferred to the High Court. She wishes her case to be expedited to trial. Explain the procedures in relation to the transfer of a case punishable by death to the High Court for trial.**

(8 marks)

- (d) **Describe the law and procedures that facilitate the DPP calling the government pathologist to testify and tender his written post-mortem report at the trial.**

(5 marks)

3. Answer ALL parts of this question

Miss Mariko ('M') was convicted of trafficking in 5.5 kilogrammes of dangerous drugs (Methamphetamine), an offence under section 39B(1)(a), which is punishable under section 39B(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 (DDA). If convicted of the offence, a person shall be punished with death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, be punished with whipping of not less than twelve strokes. After hearing submissions on the appropriate punishment, the trial Judge in the High Court of Johor Bahru sentenced M to death.

Her lawyer, Dusk ('D'), on M's behalf, filed a 'Notice of Appeal' at the Registry of the Court of Appeal 20 days after the date of the trial Judge rendered his decision. M is keen to discharge D and engage you as her new counsel.

Based on the above:

- (a) Discuss whether M:

- (i) **has complied with the procedure for appeal.**

(4 marks)

- (ii) **has the possibility for legal redress in the event that D fails to comply with the procedures set out for registration of the appeal.**

(6 marks)

- (b) **M is seeking to avoid the death penalty before the Court of Appeal. State the Court of Appeal's jurisdiction and powers in M's eventual appeal against conviction and sentence.**

(7 marks)

- (c) **Explain the legal redress available to M and the procedures involved if she loses her appeal against conviction and sentence before the Court of Appeal.**

(8 marks)

4. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) *“The Attorney-General of Malaysia has unfettered jurisdiction in relation to all criminal proceedings before any tribunal or court of law.”*

Evaluate the accuracy of this statement with reference to relevant laws and decided cases.

(15 marks)

- (b) **With reference to the Criminal Procedure Code and decided cases, discuss the differences between the court order granting a ‘Discharge Not Amounting to an Acquittal’ and an order granting an ‘Acquittal and Discharge’ to an accused.**

(10 marks)

5. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) **The accused was charged under section 12(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 (DDA) for possession of a dangerous drug, which is punishable under**

section 39A(1) of the DDA. Upon conviction, a person shall be punished with imprisonment for a term which shall not be less than two years but shall not exceed five years and shall also be punished with whipping of not less than three strokes but not more than nine strokes. The accused pleaded guilty to the charge. Learned counsel for the accused was at hand to cite a few cases to support the accused's plea of mitigation. One of the mitigating pleas to the court was to have the sentence of whipping dispensed with, as the counsel argued that whipping was discretionary and not mandatory.

Upon hearing both the prosecution and the learned counsel for the accused, the learned Magistrate passed a sentence of imprisonment of 24 months against the accused. Subsequently, the learned Deputy Public Prosecutor (DPP) wrote a letter to the Deputy Registrar of the High Court seeking the High Court's indulgence to exercise their revisionary powers, alleging that the sentence passed by the learned Magistrate on the accused is a miscarriage of justice.

Based on the above:

(i) **Explain whether the application for revision by the DPP was correct on the facts of the case.**

(8 marks)

(ii) **Determine the "miscarriage of justice" in the sentence passed by the learned Magistrate.**

(7 marks)

(b) **The final stage in a criminal trial, where the accused has been convicted for the offence as charged, is for the court to decide the appropriate sentence. Explain how the court shall decide the appropriate sentence.**

(10 marks)

6. Answer ALL parts of this question

The accused was charged for trafficking in 61.74g of methamphetamine, an offence under section 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 (DDA) which upon conviction shall be punished with death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, be punished with whipping of not less than twelve strokes. At the end of the prosecution's case, the learned High Court Judge found the prosecution had made out a prima facie case against the accused in respect of the charge. The accused was called to enter upon his defence. The accused elected to give an unsworn statement and was the only witness.

The learned Judge found the defence was a bare denial. The learned Judge was satisfied that the prosecution had proven the charge against the accused beyond reasonable doubt, and that the accused had not rebutted, on the balance of probabilities, the presumption under section 37(da)(xvi) of DDA which states that any person who is found in possession of 50g or more in weight of methamphetamine shall be presumed, until the contrary is proved, to be trafficking in the said drug. The accused was convicted and appealed against the conviction.

In his appeal, the accused contended, among others, that the learned Judge erred when he failed to appreciate that –

- (i) the prosecution's failure to offer one Cynthia Lim, who was not called as a witness at the trial, to the defence had prejudiced the accused and the presumption under section 114(g) of the Evidence Act 1950, that evidence which could be and is not produced would, if produced, be unfavourable to the person who withholds it, could have been invoked against the prosecution; and
- (ii) the failure of the learned Judge to intimate to the accused at the end of the prosecution case whether defence was called on direct trafficking or presumed trafficking had prejudiced the accused.

Based on the above, discuss:

- (a) **The failure of the prosecution to offer Cynthia Lim to the defence.**

(10 marks)

- (b) **The failure of the learned Judge to intimate to the accused whether his defence was called on direct trafficking or presumed trafficking.**

(10 marks)

- (c) **The weight to be given to the unsworn statement of the accused.**

(5 marks)

7. **Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) At the end of an impeachment proceeding, the learned trial Judge reserved his decision on the impeachment of the witness until the end of the case for the prosecution.

Explain what impeachment is and whether the learned trial Judge was in error when he so reserved his decision.

(8 marks)

- (b) CNN was 15 years old at the material time when he was charged in the Court for Children at Sepang for an offence under section 377C of the Penal Code. CNN pleaded guilty to the charge. After having read the probation report produced by the welfare officer as well as having heard the recommendations of the two advisors appointed pursuant to the Child Act 2001 (CA), the learned Magistrate in the Court for Children ordered that CNN was to be placed in the Henry Gurney School for a period of three years. This order was made despite the absence of an explanation from the welfare officer in

the probation report with regard to the unsuitability of CNN to be rehabilitated in an approved school.

Based on the above:

(i) **Explain the procedure in the Court for Children before the learned Magistrate records a finding of guilt.**

(5 marks)

(ii) **Explain who must be present when the order was made by the learned Magistrate.**

(5 marks)

(iii) **Examine whether the order imposed on CNN was lawful.**

(7 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN
(OGOS 2025)**

PROSEDUR JENAYAH

Jumaat, 8 Ogos 2025

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

-
- *KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - *ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - *ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - *BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - *KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 10 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Darroll ('D') telah menghadirkan diri ke balai polis untuk membantu polis dalam penyiasatan suatu pecah amanah jenayah dan pengubahan wang haram. Pegawai Penyiasat, ASP Raja ('PP'), menolak permintaan D agar peguamnya, Encik Ali ('Ali') hadir bersamanya semasa soal siasat. Selepas pernyataannya dirakam, D telah ditangkap dan dibawa ke hadapan seorang Majistret keesokan paginya. Majistret itu telah membenarkan permohonan PP untuk reman dan mengarahkan D direman untuk empat (4) hari. Semasa tempoh reman itu, PP sekali lagi secara berterusan enggan memberi Ali akses untuk berjumpa dengan D.

PP itu kemudiannya telah memperoleh arahan bertulis Timbalan Pendakwa Raya untuk memberikan pertuduhan tunggal pecah amanah jenayah (suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 409 Kanun Keseksan) dan satu pertuduhan lain bagi pengubahan wang haram di bawah seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('APPWHPPKHAH') di Mahkamah Sesyen Ipoh. Apabila kes D disebut kali pertama di Mahkamah Sesyen, D memberitahu Ali bahawa dia tidak ingin untuk mengaku salah bagi mana-mana pertuduhan dan mahu dilepaskan dengan jaminan.

Berdasarkan perkara di atas:

- (a) **Bincangkan kesahan berhubung dengan keengganan PP untuk membenarkan D akses untuk berjumpa dengan Ali semasa soal siasat dan penahanannya.**

(5 markah)

- (b) **Jelaskan dengan merujuk perundangan dan undang-undang kes yang berkaitan apakah faktor-faktor yang mesti diambil kira oleh Majistret apabila mempertimbangkan permohonan PP untuk reman.**

(7 markah)

- (c) **Kaji undang-undang dan kehendak yang menentukan pemberian jaminan kepada D oleh Mahkamah Sesyen sebelum perbicaraan dimulakan.**

(7 markah)

- (d) **D sedang mempertimbangkan untuk mengaku salah pada tarikh bicara yang berikutnya. Berikan nasihat kepada D mengenai undang-undang dan prosedur berhubung dengan perundingan akuan.**

(6 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN

2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Mayat Unggu a/l Punggol ('U') telah dijumpai lebih kurang 20 meter dari tempat dia dibunuh di dalam semak di Kilometer 2.5, Jalan Genting Klang, Setapak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kira-kira pada pukul 7.00 pagi oleh seorang yang berjoging pada hari Khamis, 14 November 2024. Ahli patologi kerajaan yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat U berpendapat bahawa, berdasarkan keadaan pereputan mayat, U berkemungkinan telah dibunuh 48 jam sebelum penemuan mayatnya. Polis kemudiannya telah menangkap Jasmine a/p Lassi ('J') sebagai seorang suspek. J kemudiannya dibawa ke Mahkamah Majistret di Kuala Lumpur, di mana Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') telah mengemukakan pertuduhan yang menuduhnya membunuh U – suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati.

Berdasarkan perkara yang atas:

- (a) **Merujuk perundangan dan undang-undang kes yang berkaitan, perihalkan kandungan yang perlu bagi pertuduhan jenayah.**

(8 markah)

- (b) **Sebagai TPR yang ditugaskan untuk mendakwa kes ini, drafkan pertuduhan terhadap J.**

(4 markah)

- (c) **J berasa dukacita bahawa kesnya mengambil masa yang terlalu lama untuk dipindahkan ke Mahkamah Tinggi. Dia berharap agar kesnya dicepatkan untuk perbicaraan. Jelaskan prosedur berhubung dengan pemindahan sesuatu kes yang boleh dihukum dengan hukuman mati ke Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan.**

(8 markah)

- (d) **Perihalkan undang-undang dan prosedur yang memudahkan TPR untuk memanggil ahli patologi kerajaan untuk memberikan keterangan dan mengemukakan laporan bertulis bedah siasatnya semasa perbicaraan.**

(5 markah)

3. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Cik Mariko ("M") telah disabitkan atas pengedaran dadah berbahaya (Metamfetamin) sebanyak 5.5 kilogram, suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a), yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB). Jika disabitkan atas kesalahan itu, seseorang itu hendaklah dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup dan, jika dia tidak dihukum dengan hukuman mati, hendaklah dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada dua belas sebatan. Selepas mendengar penghujahan mengenai hukuman

yang sesuai, Hakim perbicaraan di Mahkamah Tinggi Johor Bahru telah menjatuhkan M hukuman mati.

Peguamnya, Dusk ('D'), bagi pihak M, telah memfailkan suatu 'Notis Rayuan' di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan 20 hari selepas tarikh Hakim perbicaraan memberikan keputusannya. M ingin sekali melepaskan D dan mengambil khidmat anda sebagai peguam baharunya.

Berdasarkan perkara di atas:

(a) Bincangkan sama ada M:

(i) **telah mematuhi prosedur bagi rayuan.**

(4 markah)

(ii) **mempunyai kemungkinan bagi pembetulan menurut undang-undang sekiranya D gagal mematuhi prosedur yang ditetapkan bagi pendaftaran rayuan.**

(6 markah)

(b) **M cuba untuk mengelak penalti hukuman mati di hadapan Mahkamah Rayuan. Nyatakan bidang kuasa dan kuasa Mahkamah Rayuan dalam rayuan M kelak terhadap sabitan dan hukuman.**

(7 markah)

(c) **Jelaskan pembetulan menurut undang-undang yang tersedia kepada M dan prosedur yang terlibat jika dia kalah dalam rayuannya terhadap sabitan dan hukuman di hadapan Mahkamah Rayuan.**

(8 markah)

4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) *“Peguam Negara Malaysia mempunyai bidang kuasa tidak terbatas berhubung dengan semua prosiding jenayah di hadapan mana-mana tribunal atau mahkamah undang-undang.”*

Nilaikan ketepatan pernyataan ini dengan merujuk undang-undang yang berkaitan dan kes-kes yang telah diputuskan.

(15 markah)

- (b) **Dengan merujuk Kanun Tatacara Jenayah dan kes-kes yang telah diputuskan, bincangkan perbezaan antara perintah mahkamah yang memberikan ‘Dilepaskan Tanpa Dibebaskan’ dengan suatu perintah yang memberikan ‘Dibebaskan dan Dilepaskan’ kepada tertuduh.**

(10 markah)

5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Tertuduh telah dipertuduh di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) bagi pemilikan dadah berbahaya, yang boleh dihukum di bawah seksyen 39A(1) ADB. Apabila disabitkan, seseorang itu hendaklah dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak melebihi lima tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada tiga sebatan tetapi tidak lebih daripada sembilan sebatan. Tertuduh telah mengaku salah terhadap pertuduhan itu. Peguam yang bijaksana bagi tertuduh telah bersedia untuk memberikan beberapa kes untuk menyokong rayuan meringankan hukuman tertuduh. Salah satu daripada rayuan meringankan hukuman kepada mahkamah itu adalah untuk hukuman sebat diketepikan, memandangkan peguam itu berhujah bahawa hukuman sebat ialah budi bicara dan tidak mandatori.

Apabila kedua-dua pihak pendakwaan dan peguam yang bijaksana bagi tertuduh didengar, Majistret yang bijaksana telah menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama 24 bulan terhadap tertuduh. Selepas itu, Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang bijaksana telah menulis surat kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi untuk memohon pertimbangan Mahkamah Tinggi untuk menjalankan kuasa semakannya, dengan mengatakan bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh Majistret yang bijaksana ke atas tertuduh itu ialah suatu salah laksana keadilan.

Berdasarkan perkara di atas:

(i) **Jelaskan sama ada permohonan semakan oleh TPR adalah betul berdasarkan fakta kes.**

(8 markah)

(ii) **Tentukan “salah laksana keadilan” dalam hukuman yang telah dijatuhkan oleh Majistret yang bijaksana.**

(7 markah)

(b) **Peringkat terakhir dalam suatu perbicaraan jenayah, yang tertuduh telah disabitkan bagi kesalahan sebagaimana yang dipertuduh, adalah bagi mahkamah untuk memutuskan hukuman yang sesuai. Jelaskan bagaimanakah mahkamah akan memutuskan hukuman yang sesuai itu.**

(10 markah)

6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini

Tertuduh telah dipertuduh atas pengedaran dadah metamfetamin sebanyak 61.74g, suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) yang apabila disabitkan hendaklah dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup dan hendaklah, jika dia tidak dijatuhkan dengan hukuman mati, dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada dua belas sebatan. Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana

mendapati pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh berkenaan dengan pertuduhan itu. Tertuduh telah dipanggil untuk membela diri. Tertuduh telah memilih untuk memberikan pernyataan tidak bersumpah dan merupakan satu-satunya saksi.

Hakim yang bijaksana mendapati pembelaan hanyalah merupakan suatu penafian semata-mata. Hakim yang bijaksana telah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh tanpa keraguan munasabah dan bahawa tertuduh tidak mematahkan, atas imbangan kebarangkalian, anggapan di bawah seksyen 37(da)(xvi) ADB yang menyatakan bahawa mana-mana orang yang didapati memiliki metamfetamin dengan berat sebanyak 50g atau lebih hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai mengedarkan dadah itu. Tertuduh telah disabitkan dan merayu terhadap sabitan itu.

Dalam rayuannya, tertuduh telah menegaskan, antara lainnya, bahawa Hakim yang bijaksana telah silap apabila dia gagal mengambil kira bahawa –

- (i) kegagalan pihak pendakwaan untuk menawarkan seorang yang bernama Cynthia Lim, yang tidak dipanggil sebagai saksi di perbicaraan itu, kepada pembelaan telah memudaratkan tertuduh dan anggapan di bawah seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950, bahawa keterangan yang boleh dikemukakan dan tidak dikemukakan akan, jika dikemukakan, tidak memberikan faedah kepada orang yang enggan mengemukakannya, boleh digunakan terhadap pihak pendakwaan; dan
- (ii) kegagalan Hakim yang bijaksana untuk memaklumkan tertuduh di akhir kes pendakwaan sama ada pembelaan telah dipanggil atas pengedaran terus atau pengedaran anggapan telah memudaratkan tertuduh.

Berdasarkan perkara di atas, bincangkan:

- (a) **Kegagalan pihak pendakwaan untuk menawarkan Cynthia Lim kepada pembelaan.**

(10 markah)

- (b) **Kegagalan Hakim yang bijaksana untuk memaklumkan tertuduh sama ada pembelaannya telah dipanggil atas pendedaran terus atau pendedaran anggapan.**

(10 markah)

- (c) **Penilaian yang hendak diberikan kepada pernyataan tidak bersumpah tertuduh.**

(5 markah)

7. **Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Di akhir prosiding pencabaran, Hakim yang bijaksana telah menangguhkan keputusannya mengenai pencabaran saksi sehingga akhir kes bagi pendakwaan.

Jelaskan apakah pencabaran dan sama ada Hakim perbicaraan yang bijaksana telah melakukan kesilapan apabila dia menangguhkan keputusannya.

(8 markah)

- (b) CNN berusia 15 tahun pada waktu material semasa dia dipertuduh di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di Sepang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen 377C Kanun Keseksaan. CNN telah mengaku salah kepada pertuduhan itu. Selepas membaca laporan akhlak yang dikemukakan oleh pegawai kebajikan dan juga setelah mendengar syor oleh dua orang penasihat yang dilantik menurut Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK), Majistret

yang bijaksana dalam Mahkamah Bagi Kanak-Kanak itu telah memerintahkan supaya CNN ditempatkan di Sekolah Henry Gurney bagi tempoh tiga tahun. Perintah ini telah dibuat walaupun ketiadaan penjelasan daripada pegawai kebajikan dalam laporan akhlak berkenaan dengan ketidaksesuaian CNN untuk direhabilitasi di sekolah yang diluluskan.

Berdasarkan perkara di atas:

(i) **Jelaskan prosedur dalam Mahkamah Bagi Kanak-Kanak sebelum Majistret yang bijaksana merekodkan dapatan bersalah.**

(5 markah)

(ii) **Jelaskan siapa yang mesti hadir apabila perintah dibuat oleh Majistret yang bijaksana.**

(5 markah)

(iii) **Kaji sama ada perintah yang dikenakan ke atas CNN adalah sah.**

(7 markah)

oOOo